



REGISTRATION NO. 199101012045 (222357-P)

TATAKELAKUAN PEMBEKAL

VERSI 1.0

TARIKH KUAT KUASA: 1 SEPTEMBER 2021

Komitmen Kami

Lotte Chemical Titan Holding Berhad (“**LCT**”) dan anak-anak syarikat kendaliannya di Malaysia (secara kolektif dirujuk sebagai “**Kumpulan LCT**”) melalui **Tatakelakuan Pembekal (“Kod”)** komited untuk membentuk nilai moral bagi kehidupan manusia, di samping memastikan dunia yang selamat, bertanggungjawab dan mampan. Kami memahami bahawa mengimbangi keperluan masa kini dengan keperluan generasi akan datang adalah kunci kepada rantai bekalan yang mampan. Tatakelakuan Pembekal ini adalah ringkasan harapan piawaian kami kepada semua pembekal dan kontraktor yang berkongsi nilai kami untuk melaksanakan Prinsip Panduan Kumpulan LCT dalam menjalankan aktiviti perniagaan dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika serta mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Kami percaya bahawa komitmen bersama tentang kelakuan beretika dan integriti ini adalah asas yang kukuh kepada sesebuah hubungan perniagaan untuk terus maju dalam rantai bekalan.

Prinsip Panduan Kami

Kumpulan LCT mengamalkan Prinsip Panduan yang sama kepada semua pekerja, pembekal atau kontraktor, ejen, anak syarikat, syarikat gabungan dan subkontraktor yang menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan kepada Kumpulan LCT. Kami mengharapkan semua pembekal untuk melaksanakan sistem dan kawalan untuk mentadbir dan mempromosikan pematuhan Prinsip Panduan yang dinyatakan dalam Kod ini, termasuk melaksanakan dasar, mengendalikan latihan, menyediakan sumber dan mewujudkan mekanisme atau sistem pemantauan dan pengauditan.

1. Mematuhi Undang-undang

Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, standard minimum yang diharapkan daripada Rakan Kongsi Pembekal global kami adalah diwajibkan mematuhi piawaian undang-undang.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk:

- 1.1 Memahami dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai dalam penyediaan produk dan/atau perkhidmatan kepada Kumpulan LCT termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - 1.1.1. Anti korupsi & anti rasuah
 - 1.1.2. Perdagangan & persaingan yang adil
 - 1.1.3. Undang-undang buruh dan imigresen
 - 1.1.4. Undang-undang Keselamatan dan Alam Sekitar
 - 1.1.5. Undang-undang perlindungan data.
 - 1.1.6. Undang-undang perdagangan antarabangsa, import/eksport dan sekatan.
- 1.2 Memaklumkan Kumpulan LCT tentang perkembangan atau perubahan peraturan terkini yang terpakai dalam penyediaan barangan dan/atau perkhidmatan kepada Kumpulan LCT.

2. Integriti Perniagaan

Kami berusaha untuk bekerjasama dengan Rakan Kongsi Pembekal yang komited dalam membina hubungan perniagaan berdasarkan kepercayaan, ketelusan dan akauntabiliti bersama.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk:

- 2.1 Berkongsi komitmen kami dalam menjalankan perniagaan dengan jujur, telus serta beretika dan bertanggungjawab.

- 2.2 Menyokong persaingan yang adil.
- 2.3 Melarang rasuah dan korupsi, sogokan, hadiah atau layanan yang tidak sesuai, atau insentif yang tidak wajar berkaitan perniagaan Kumpulan LCT. Sila rujuk ke <https://www.lottechem.my/company/gov-4.asp> mengenai Polisi “No Gift” Kumpulan LCT.
- 2.4 Mengelakkan sebarang bentuk konflik kepentingan yang berkaitan dengan kepentingan kewangan atau pengaturan yang tidak sesuai termasuk menawarkan peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja Kumpulan LCT.
- 2.5 Mendedahkan konflik kepentingan semasa dan yang berpotensi, kebimbangan mengenai integriti atau pelanggaran kod etika dan bekerjasama dalam penyiasatan yang berkaitan dengan konflik tersebut. Kumpulan LCT komited untuk menangani semua isu yang diterima dan pemberi maklumat akan dilindungi daripada sebarang bentuk tindakan.

3. Menghormati Kewajipan Perniagaan

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk mengekalkan rekod perniagaan yang tepat, menyampaikan maklumat yang benar & tepat bagi membolehkan Kumpulan LCT untuk mengambil keputusan perniagaan yang betul dan perkongsian maklumat yang tepat pada masanya dengan pemegang berkepentingan kami.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk:

- 3.1 Cipta, simpan dan menyediakan rekod perniagaan yang benar dan tidak mengelirukan tepat pada masanya bagi semua perkara yang berkaitan dengan penyediaan barangan dan/atau perkhidmatan anda kepada Kumpulan LCT.
- 3.2 Melaksanakan mekanisme tadbir urus yang sesuai, menjalankan pemeriksaan dan audit kualiti dan keselamatan serta audit pemeriksaan pematuan undang-undang untuk memastikan rekod yang tepat.
- 3.3 Menguruskan peristiwa yang tidak dijangka secara proaktif, tepat pada masanya dan terbuka. Maklumkan Kumpulan LCT dengan segera untuk sebarang isu material, keselamatan, kesihatan yang berkaitan dengan barang dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan.

- 3.4 Menyediakan notis bertulis sebelum sebarang perubahan dalam produk atau bahan yang mempunyai atau berpotensi mempunyai kesan ke atas pematuhan peraturan, keselamatan dan kualiti produk Kumpulan LCT.

4. Menghormati Hak Asasi Manusia

Kami berusaha untuk bekerjasama dengan Rakan Kongsi Pembekal yang menghormati hak asasi manusia dan komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat, terjamin & sihat yang bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi, penderaan, gangguan atau sekatan yang tidak munasabah atau layanan yang tidak berperikemanusiaan.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk:

- 4.1 Menyokong perlindungan hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan melarang penggunaan penyeludupan manusia, buruh paksa atau buruh kanak-kanak.
- 4.2 Mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan pampasan, gaji minimum, kerja lebih masa dan waktu kerja maksimum.
- 4.3 Mematuhi undang-undang buruh dan imigresen yang terpakai (termasuk undang-undang yang diamalkan di negara tuan rumah) jika pekerja asing terlibat.
- 4.4 Menyediakan persekitaran kerja yang selamat, terjamin dan sihat yang tidak tertakluk kepada sebarang bentuk penderaan dan gangguan.
- 4.5 Melarang diskriminasi pekerjaan atas alasan bangsa, warna kulit, kewarganegaraan, jantina, agama, umur atau kehilangan upaya.
- 4.6 Mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan kebebasan berserikat dan rundingan bersama.

5. Melindungi maklumat, aset dan kepentingan Kumpulan LCT.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami melindungi maklumat, aset, harta dan reputasi Kumpulan LCT yang diamanahkan kepada mereka.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk:

- 5.1 Mematuhi undang-undang dan peraturan perlindungan data dan keselamatan.
- 5.2 Melindungi mana-mana maklumat sulit Kumpulan LCT yang boleh diakses, termasuk tetapi tidak terhad kepada teknologi, data, harta intelek, rahsia perdagangan atau maklumat kewangan.
- 5.3 Melindungi mana-mana harta dan aset kepunyaan Kumpulan LCT dan hanya digunakan sebagaimana yang dibenarkan.
- 5.4 Mengambil langkah keselamatan yang sesuai untuk mengelakkan pemalsuan, penyalahgunaan, pencurian, penipuan atau pendedahan yang tidak wajar, akses atau sabotaj yang boleh menjejaskan kepentingan atau reputasi perniagaan.

6. Mengutamakan Program Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan.

Kami berusaha untuk bekerjasama dengan Rakan Kongsi Pembekal yang komited dalam menyediakan perlindungan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan dalam operasi perniagaan mereka secara bertanggungjawab & mampan.

Kami mengharapkan Rakan Kongsi Pembekal kami untuk:

- 6.1 Melindungi alam sekitar dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan.
- 6.2 Beroperasi dengan kemudahan yang direka bentuk dengan piawaian keselamatan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan tanpa mendedahkan risiko yang tidak perlu kepada alam sekitar atau orang awam.
- 6.3 Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk para pekerja mereka dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan keselamatan dan kesihatan yang berkenaan. Untuk memastikan kawalan yang sesuai dan menyediakan latihan, prosedur kerja dan peralatan perlindungan diri.
- 6.4 Memberi komitmen untuk menggunakan sumber boleh diperbaharui atau sumber asli dengan cekap dan teknologi mesra alam untuk meminimumkan pelepasan gas rumah hijau dan mengurangkan pembuangan sisa ke udara, air dan tanah.

- 6.5 Meneruskan pemantauan, mengawal dan merawat sisa buangan terhasil secara bertanggungjawab untuk melindungi komuniti daripada pencemaran.
- 6.6 Berusaha untuk meningkatkan prestasi alam sekitar, kesihatan dan keselamatan.
- 6.7 Bekerjasama dengan Kumpulan LCT untuk melaksanakan proses mampan yang menyumbang dan memberi manfaat kepada komuniti setempat melalui aktiviti sosial korporat.

Matlamat kami berkenaan perkongsian yang dipercayai

Matlamat kami adalah untuk membina hubungan berasaskan kepercayaan dengan Rakan Kongsi Pembekal yang beretika yang berkongsi nilai yang sama melalui Enam Prinsip Panduan ini.

Kami meminta pemahaman Rakan Kongsi Pembekal kami bahawa Kumpulan LCT berhak untuk mengaudit pematuhan pembekal apabila terdapat sebab untuk dikhuatiri. Adalah menjadi jangkaan Kumpulan LCT bahawa sebarang pelanggaran Kod ini hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Kumpulan LCT. Sekiranya berlaku pelanggaran Kod, tindakan susulan atau pembedulan diperlukan daripada pembekal jika dianggap perlu oleh Kumpulan LCT. Pelanggaran atau kegagalan tindakan pembedulan boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatan sebarang urusan perniagaan dengan Kumpulan LCT.

Selaras dengan prinsip pembangunan mampan kami, kami berharap untuk mencapai kejayaan bersama dengan bekerjasama rapat dengan Rakan Kongsi Pembekal kami.